

08 NOV 2000

MIC-Lunas

SAMY VELLU AKAN PUTUSKAN CALON LUNAS SELEPAS PULANG DARI LUAR NEGERI

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu akan membuat keputusan mengenai calon parti itu bagi kerusi Dewan Undangan negeri Lunas di Kedah selepas pulang daripada lawatan rasmi ke luar negeri, kata setiausaha agung MIC G. Sothinathan hari ini.

Oleh itu adalah terlalu awal untuk membuat spekulasi mengenai bakal calon kerana Samy Vellu perlu menilai keadaan dahulu dan setakat ini ibu pejabat parti beliau mendapatkan sebarang nama lagi.

"Keputusan muktamad hanya akan dibuat selepas presiden MIC berbincang dengan Perdana Menteri mengenainya," katanya kepada Bernama hari ini.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya sedang menghadiri persidangan antarabangsa mengenai pengangkutan jalan raya pintar di Rom dan akan pulang ke tanah air hujung minggu ini.

Beliau dijangka memilih beberapa nama sebelum mengemukakannya kepada Perdana Menteri dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mendapatkan perakuan.

Kerusi itu kosong ekoran pembunuhan wakil rakyatnya Dr Joe Fernandez di Bukit Mertajam minggu lepas.

Semalam pengerusi BN Kedah dan Menteri Besar Datuk Syed Razak Syed Zain berkata tiada jaminan yang BN akan terus meletakkan calon daripada MIC bagi pilihan raya kecil Lunas walaupun ia kerusi tradisi MIC.

Sothinathan berkata berdasarkan rekod mendiang Dr Fernandez di kawasan negeri itu, BN tidak menghadapi masalah mengekalkan kerusi itu.

Pada pilihan raya umum 1999, Dr Fernandez mengalahkan M. Kathiravelo daripada DAP dengan majoriti undi 4,700 dalam pertandingan empat penjuru yang turut melibatkan dua calon bebas.

Kawasan itu mempunyai jumlah pengundi 24,481 orang.

-- BERNAMA

SR AZZ RON